

# Daftar warisan Malaysia

Pemikiran dan amalan mengenai pemuliharaan dan memelihara warisan kebangsaan telah bertapak dalam jiwa bangsa Malaysia sejak sebelum merdeka lagi. Kebanyakan artifak bernilai warisan telah tersimpan dalam Muzium Negara dan muzium di setiap negeri.

Sementara tapak dan bangunan bersejarah pula sebahagianya telah diwartakan sebagai warisan kebangsaan. Untuk sekian lamanya, pemikiran mengenai warisan tertumpu kepada objek atau tapak bernilai sejarah dan budaya sahaja.

Pada tahun 2005, apabila Akta Warisan Kebangsaan (Akta 645) dikuatkuasakan, takrifan sumber warisan diperluas kepada warisan tabii, warisan kebudayaan ketara dan tidak ketara, warisan kebudayaan di bawah air dan harta karun. Jabatan Warisan Kebangsaan telah diamanahkan untuk melaksanakan peranan ini atas nasihat sebuah Majlis Warisan Kebangsaan.

Sejak itu, Jabatan Warisan Kebangsaan telah berusaha menjalankan peranannya sebaik yang mungkin, namun terdapat beberapa cabaran sehingga pencapaian untuk

memelihara tapak bernilai warisan kebangsaan amat terbatas.

Usaha pemuliharaan dan pemeliharaan tapak warisan kebangsaan sukar dilaksanakan kerana kesedaran awam masih rendah, kekurangan maklumat saintifik bagi membuktikan nilai warisan, dan isu governans antara kerajaan Persekutuan dan negeri.

Kefahaman masyarakat Malaysia mengenai warisan tabii iaitu warisan geologi dan kepelbagaian biologi masih sangat terbatas. Bagi mereka hutan, gunung-ganang, sungai dan air terjun adalah sumber alam, hanya sesuai untuk dimanfaatkan bagi pembangunan ekonomi dan rekreasi.

Sejarah Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak atau Malaysia bermula sejak 550 juta tahun lampau di kawasan Gunung Machinchang, Langkawi. Hidupan terawal penghuni tanah air kita ialah sejenis haiwan bernama trilobit mulai membiak pada usia 500 juta tahun, diikuti dengan kepelbagaian tumbuhan berbunga sekitar 145 juta tahun.

Gunung Kinabalu di Sabah hanya mula terbentuk kurang daripada

10 juta tahun lepas. Semua rekod saintifik mengenai sejarah bumi tersimpan dalam batuan dan tapak jumpaannya pastinya bernilai warisan kebangsaan.

Sejarah kehadiran manusia di Malaysia ditafsirnya bermula sejak 200,000 tahun. Wujud penempatan manusia tertua berusia 40,000 tahun di Gua Niah, Sarawak dan jumpaan manusia purba 'Perak Man' berusia 11,000 tahun di Kota Tampan, Perak. Ketamadunan bangsa Melayu pula dijumpai di Sungai Batu, Kedah sejak 600 tahun sebelum Masihi, sementara sejarah Kesultanan Melayu bermula di Kedah pada abad ke-12 dan di Melaka pada abad ke-14.

Sejarah geologi, arkeologi dan sejarah manusia moden adalah kesinambungan evolusi geologi dan hidupnya sering disebut sebagai warisan tabii, sebetulnya juga sebahagian daripada warisan ketamadunan atau budaya bangsa Malaysia.

Isu kesedaran masyarakat dan pengumpulan maklumat saintifik boleh digerakkan jika kita mempunyai program yang terfokus. Dana promosi dan penyelidikan perlu diberikan pertimbangan tinggi, khu-

susnya oleh kerajaan Persekutuan, institusi swasta dan agensi bertanggungjawab negeri. Begitu pun, isu governans berkaitan hubungan kerajaan Persekutuan dan negeri masih perlu ditangani dengan berhemah. Kefahaman maksud warisan kebangsaan, hak pengiktirafan dan isu kepunyaan serta tanggungjawab pengurusan perlu dirunding dengan bijaksana untuk kepentingan bersama.

Memandangkan di Malaysia, tanah dan sumber asli adalah bidang kuasa kerajaan negeri, tanggungjawab mewarta, membangun dan mengurus warisan kebangsaan perlu diserahkan kepada mereka berpandukan mekanisme governans negeri. Jabatan Warisan Kebangsaan pula boleh memainkan peranan aktif dalam mengerak, mengenal pasti senarai calon, membantu menyediakan dokumen pewartaan dan menyimpan Daftar Warisan Kebangsaan.

Sementara tuan punya warisan dan proses pewartaan warisan menjadi tanggungjawab kerajaan negeri, hak pengisytiharan masih di bawah kerajaan Persekutuan berasaskan Akta 645. Kerjasama begini mem-

bolehkan isu hak dan tanggungjawab pengurusan sumber kekal di bawah kerajaan negeri, sementara penentuan nilai dan kawalan kualiti masih di bawah bidang kuasa kerajaan Persekutuan.

Tapak Warisan Kebangsaan boleh berada di atas tanah kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri atau persendirian. Ini bukan isu yang boleh mengulangi waga menghormati dan memelihara warisan. Soalnya, bagaimana kerajaan Persekutuan dan negeri berupaya bekerjasama bagi memastikan suatu warisan kebangsaan itu dipelihara, dipelihara dan dimanfaatkan untuk kebanggaan dan kesejahteraan bangsa?

Selaku Pengerusi, Majlis Warisan Kebangsaan dan masyarakat pastinya, kami inginkan semua Warisan Kebangsaan terpelihara dan dihargai. Iltizam ini melambungkan sebuah bangsa maju dan bertamadun.

*\* Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim  
Kamso Pengerusi, Majlis Warisan  
Kebangsaan dan Felo Penyelidik Utama,  
Lestari-UKM*